

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
[ TUARAN ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [ TUARAN ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan daripada *46 Article United Nation Declaration on the Rights of the Indigenous People (UNDRIP)* berapa yang sudah dilaksanakan dalam bentuk dasar mahupun perundangan di negara kita.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 13 September 2007, telah bersetuju dengan *The United Nation Declaration on the Rights of the Indigenous People (UNDRIP)* atau Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Terhadap Hak Orang Asli/ Asal. Malaysia adalah antara yang menyokong deklarasi tersebut bersama 144 buah Negara Ahli yang lain dengan 4 negara menentang (*Australia, Canada, New Zealand dan United States of America*). Pada 2016 keempat-empat negara tersebut telah menarik balik tentangan mereka dan bersetuju menyokong deklarasi tersebut.

Asas penyediaan deklarasi ini telah bermula pada tahun 1923 dan 1925 dengan diikuti penubuhan *The Working Group on Indigenous Peoples, yang ditubuhkan oleh United Nations Economic and Social Council (ECOSOC)* pada tahun 1982. Deklarasi telah digubal melalui sejumlah draf bermula dari tahun 1994 hingga 2006, dengan bertujuan

untuk menyediakan dokumen menyeluruh yang akan membantu melindungi hak dan keistimewaan Orang Asli di seluruh dunia.

Merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat berkaitan pelaksanaan kepada 46 artikel yang terdapat pada deklarasi ini, untuk makluman Yang Berhormat, dokumen ini tidak mengikat secara perundangan dalam melaksanakannya oleh Negara Ahli dan pihak Kerajaan telah melaksanakan hampir kesemua artikel tersebut kerana ia selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan perundangan serta dasar sedia ada Negara.

Matlamat deklarasi ini adalah bagi menyokong Negara Ahli untuk bekerjasama dengan masyarakat Orang Asli dalam menyelesaikan masalah global, seperti pembangunan, hak Orang Asli dan ia merupakan satu piawaian pengurusan serta pentadbiran ke atas masyarakat Orang Asli dalam pelaksanaan sebarang bentuk tindakan yang melibatkan golongan minoriti tersebut.

Kebanyakan pernyataan deklarasi ini adalah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) serta Dasar Pentadbiran Orang Asli 1961. Antara prinsip utama deklarasi yang sentiasa dilaksanakan oleh pihak Kerajaan adalah *free, prior inform and consent* (FPIC) atau maklum awal, telus, bebas dan izin dalam pelaksanaan pembangunan yang melibatkan Orang Asli.

Sekian, terima kasih.